

Haji Suhaimi sarankan letak muka baru Pemuda sebagai calon

LABIS, Sabtu.— Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Datuk Haji Suhaimi bin Haji Kamaruddin, meminta pucuk pimpinan parti meletakkan muka-muka baru dari Pergerakan Pemuda sebagai calon-calon dalam pilihanraya akan datang.

"Tokoh-tokoh pemuda, seperti Datuk Rais Yatim dan Datuk Najib Tun Abdul Razak, telah berjaya menjalankan tanggungjawab mereka setelah diberi peluang menjadi pemimpin," katanya ketika menutup kursus politik anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Labis.

Bagaimanapun, beliau berharap jangan ada pihak-pihak tertentu menafsirkan Pemuda mengenenepikan pimpinan dewasa kerana mereka adalah "guru" kepada Pemuda.

"Apa yang diharapkan oleh Pemuda ialah penyertaan Pemuda di dalam pemerintahan negara," katanya.

Terdahulu dari itu, Datuk Haji Suhaimi yang juga Timbalan Menteri Pelajaran, mengucapkan syabas bagi pihak Pemuda kepada Menteri Dalam Negeri yang juga Timbalan Perdana Menteri kerana memuputuskan membenarkan golongan yang bersimpati terhadap tahanan ISA dibawa ke luar negeri.

"Pemuda UMNO Malaysia sangat menunggu-nunggu reaksi kepada tawaran Datuk Musa. Maish, Pemuda UMNO akan tahniah kepada orang yang pertama mengirinkan taliteram bertujuan membawa keluar orang-orang tahanan ISA," katanya.